

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. P. Ramlee merupakan _____ yang sangat terkenal dan pembikin filem yang sangat hebat.
A seniman C sasterawan
B pahlawan D dermawan
2. Usaha _____ rumah mangsa-mangsa gempa bumi yang rosak teruk itu sedang giat dijalankan di negara jiran.
A mengemas kini
B membaik pulih
C mengubah suai
D menambah baik

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

3. I Janganlah mengambil *manfaat* atas kebaikan sahabat kita.
II Membaca merupakan amalan yang memberikan *manfaat* kepada kita.
III Saya memperoleh pelbagai *manfaat* selepas mengikuti kem motivasi itu.
IV Radio lama itu dibuang oleh ayah kerana tidak lagi memberikan *manfaat* kepadanya.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

4. I Afifi terlalu *teruja* setelah dia dimarahi oleh bapanya.
 II Amira amat *teruja* kerana dapat memetik buah strawberi di ladang itu.
 III Kanak-kanak di tadika itu begitu *teruja* melihat seorang badut membuat persembahan.
 IV Jalan cerita yang menarik membuatkan banyak orang *teruja* untuk menyaksikan filem itu.
- A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5. Modul latihan karangan itu telah ditambah baik dari semasa ke masa oleh Cikgu Suraya.
 A dari masa ke semasa
 B daripada masa ke semasa
 C dari semasa ke semasa
 D dari semasa ke masa
6. Kutipan derma orang ramai itu kami akan serahkan kepada keluarga mangsa kebakaran yang kehilangan tempat tinggal.
 A akan kami serahkan pada
 B kami akan serahkan pada
 C akan kami serahkan kepada
 D kami akan serahkan kepada

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7. I Ibu menanak satu kilogram beras pulut untuk dijadikan pulut kuning sebagai hidangan kami sekeluarga.
 II Yang di-Pertuan Agong merupakan pemerintah tertinggi di negara kita.

- III Tukang kebun sekolah telah mencantas semua pokok-pokok bunga yang sudah meninggi.
 IV Sebahagian besar tempatan akhbar melaporkan berita penculikan anak hartawan ternama itu.
- A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

8. I Mangsa kemalangan yang cedera parah itu telah dikejarkan ke hospital yang berdekatan.
 II Pengetua menyampaikan hadiah kepada murid cemerlang itu.
 III Hakimi bekerja dan belajar untuk menampung yuran pengajiannya di universiti.
 IV Salakan anjing yang kedengaran itu sungguh nyaring.
- A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

9. **Petempatan manusia zaman dahulu terletak di pinggir sungai kerana mereka memerlukan air untuk kegunaan harian.**
 A Manusia pada zaman dahulu membuat rumah di pinggir sungai.
 B Air sangat penting untuk kegunaan harian manusia yang tinggal di pinggir sungai.
 C Pada zaman dahulu, manusia ke pinggir sungai untuk mendapatkan air bagi kegunaan harian.
 D Oleh sebab memerlukan air untuk kegunaan harian, manusia pada zaman dahulu menetap di pinggir sungai.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

10. Apabila mendengar tawaran gaji yang lumayan di syarikat lain, Mashita terus menghantar surat peletakan jawatan kepada majikannya. Malangnya, dia tidak diterima untuk bekerja di syarikat baharu tersebut.

Situasi ini sesuai dengan peribahasa

- A ikut hati mati, ikut rasa binasa, ikut mata leta.
- B burung terbang dipipiskan lada.
- C sehari selebar benang, lama-lama menjadi kain.
- D kalau tak berada-ada, tak akan tempua bersarang rendah.